

KHUTBAH JUMAAT

“MENINGKATKAN AMALAN KEROHANIAN PADA BULAN REJAB”

(10 Januari 2025M/ 10 Rejab 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita akan mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk **"Meningkatkan Amalan Kerohanian Pada Bulan Rejab"**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita memulakan lembaran tahun baharu 2025 ini serentak dengan ketibaan bulan Rejab 1446H. Memasuki bulan Rejab bermakna kita telah berada di gerbang Ramadan kerana hampir dua bulan lagi kita akan menyambut bulan suci tersebut. Oleh

sebab itu, khutbah hari ini mengajak sekalian jemaah menghargai keutamaan bulan yang mulia ini dengan menjadikannya sebagai titik tolak peningkatan amalan kita berbanding bulan-bulan sebelum ini. Pada masa yang sama, marilah kita bermuhasabah, menilai kembali kualiti iman dan kerohanian kita. Semoga dengan itu, kita dapat mengharungi hari-hari mendatang sebagai hamba Allah yang lebih baik khususnya dari sudut kerohanian.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bulan Rejab termasuk dalam salah satu bulan Islam yang mempunyai keistimewaan kerana ia merupakan salah satu daripada bulan haram selain Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 36:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ۚ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ ۚ فَلَا تَظْلِمُوا
فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ ۚ ...

Maksudnya: *Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi termasuk antaranya empat bulan yang dihormati. Itulah ketetapan agama yang lurus maka janganlah kamu menzalimi diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya) ...*

Menurut Imam Ibn Kathir *rahimahullah*, bulan-bulan ini – iaitu bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram, dan Rejab – dinamakan sebagai

bulan haram kerana kelebihan dan kemuliaan yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Disebabkan itu, apa sahaja dosa atau kezaliman yang berlaku pada bulan-bulan ini dianggap lebih berat di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Manakala setiap kebaikan dan ketaatan yang dilakukan padanya pula, akan digandakan ganjarannya oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Imam Ibnu Jarir at-Tabari *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya menukilkan kata-kata Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* yang bermaksud:

“Setiap kezaliman yang dilakukan dalam bulan haram, dosanya adalah lebih besar berbanding bulan-bulan yang lain. Begitu juga, amal soleh yang dilakukan (dalam bulan-bulan haram) adalah lebih besar (pahalanya) berbanding bulan-bulan yang lain.”

Justeru, janganlah kita terus-menerus menzalimi diri sendiri dengan bergelumang dengan dosa dan noda, termasuk sebarang persengketaan antara kita. Sebaliknya, perbanyakkanlah amal soleh sebagai tanda syukur atas nikmat usia dan rezeki yang diberikan.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Para ulama menganggap bulan Rejab sebagai pembuka musim kebaikan dan keberkatan. Imam Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* dalam kitabnya iaitu *Lata'if al-Ma'arif* menjelaskan:

"Tahun itu ibarat sebatang pokok. Bulan Rejab adalah masa dedaun tumbuh menghijau, bulan Syaaban adalah masa pokok subur

bercabang, dan bulan Ramadan adalah masa buah dan hasilnya dipetik. Sedangkan orang yang beriman adalah pemetik hasilnya."

Ungkapan ini mengisyaratkan bahawa bulan Rejab adalah peluang baik bagi kita untuk memperbaharui tekad, mensucikan diri, dan bersedia meraih keberkatan bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi.

Sebagai umat Islam, bulan Rejab merupakan 'checkpoint' untuk kita berfikir sejenak, mengingatkan diri untuk memperbaiki hubungan dengan Allah *subhanahu wata'ala*, dan menyiapkan diri untuk meningkatkan amal ibadah. Sebagai insan yang mengakui kelemahan diri, inilah masanya untuk kita memulakan perubahan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Untuk meningkatkan kerohanian kita pada bulan ini, marilah kita mengambil langkah-langkah berikut:

Pertama: Meletakkan azam untuk tidak mengulangi kesilapan lampau.

Sebagai manusia, setiap dari kita melakukan kesalahan. Ada ketikanya, iman dan tekad terasa kuat, sehingga kita berjaya mengatasi niat dan keinginan buruk. Ada kalanya pula, kita alpa dan tewas kepada hasutan nafsu dan syaitan. Namun, janganlah kita berputus asa, atau membiarkan diri terperangkap dalam lingkaran kejahatan.

Bangkitlah! Tinggalkan dosa-dosa lampau dan mohonlah keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Hadirkan

penyesalan yang mendalam, dan perbaharui tekad untuk tidak mengulanginya. Kemudian, lakukanlah pula amal soleh yang boleh memadamkan titik hitam ini. Ingatlah pada pesanan junjungan kita Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Abu Dzar *radiallahu anhu*:

((اِتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ ، وَاتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا ، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ))

Maksudnya: Bertakwalah kamu kepada Allah di mana sahaja kamu berada, dan susulilah (suatu) keburukan (dosa kecil) dengan (suatu) kebaikan (yang akan) menghapuskannya (dosa kecil), dan bergaullah dengan manusia dengan akhlak yang baik.

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Kedua: Tingkatkan amal soleh.

Peningkatan di sini bukan hanya dari sudut jumlah amalan, walaupun ia wajar diperbanyakkan. Namun, yang lebih utama adalah peningkatan mutu ibadah kita. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Mulk, ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْغَفُورُ (٢)

Maksudnya: Dialah yang menjadikan mati dan hidup untuk menguji kamu bahawa sesiapa antara kamu yang lebih baik amalannya. Dia Maha Berkuasa (membalas amalan kamu) lagi Maha Pengampun (bagi orang yang bertaubat).

Kata kunci pada ayat ini adalah “*untuk menguji kamu bahawa sesiapa antara kamu yang lebih baik amalannya*”. Cuba kita, secara insaf dan dengan penuh rendah diri bermuhasabah: Sejauh mana keikhlasan kita dalam beramal? Adakah solat kita benar-benar khusyuk? Adakah kita bersedekah dengan hati yang tulus? Adakah kita membaca ayat Al-Quran dengan penuh penghayatan atau *tadabbur*? Inilah antara soalan sebagai renungan dan penelitian yang boleh membantu untuk memperbaiki mutu amalan kita. Kita panjatkan harapan agar muhasabah ini mengundang keredaan dan kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* yang amat kita perlukan untuk mengharungi kehidupan ini.

Ambillah kesempatan pada lembaran baharu ini, berbekalkan usia yang masih dipinjamkan, kita memperbaharui tekad untuk menyemai dan menyuburkan kerohanian, agar ia membuahkan amal soleh yang berterusan di sepanjang tahun. Semoga Allah memberi kita kekuatan untuk menjadi hamba-Nya yang lebih baik, yang berlumba-lumba melakukan amal soleh, dan dapat mendekatkan diri kepada-Nya hingga ke akhir hayat. Moga Allah *subhanahu wata'ala* memberkati kita semua pada bulan Rejab dan Syaaban, serta mempertemukan kita dengan bulan Ramadan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

Pertama: Rejab adalah salah satu daripada bulan haram yang istimewa selain daripada Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharam.

Kedua: Apa sahaja dosa yang dilakukan pada bulan-bulan *haram* dianggap lebih berat di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Manakala setiap kebaikan dan ketaatan yang dilakukan padanya pula, akan digandakan ganjarannya oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga: Bulan Rejab adalah peluang baik bagi kita untuk memperbaharui tekad, mensucikan diri, dan bersedia meraih keberkatan bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Bayyinah, ayat 7-8:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ (٧) جَزَاءُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ
اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ (٨)

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk. Balasan mereka di sisi Tuhan mereka ialah Syurga Adnin yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah redha terhadap mereka dan mereka pun redha (serta bersyukur) kepada-Nya. Balasan yang demikian itu adalah untuk orang yang takut (melanggar perintah) Tuhannya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada situasi cuaca yang tidak menentu sekarang, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing khususnya kawasan-kawasan di tempat yang rendah dan kawasan kerap banjir. Selain itu, tiupan angin monsun timur laut secara berterusan dan kencang boleh menyebabkan laut bergelora dan ombak besar di perairan Laut China Selatan. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu juga, marilah kita terus mengimarahkan masjid dengan menunaikan solat fardu berjemaah dan memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Sesungguhnya Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa membalas dan mengurniakan rahmat segala kebaikan yang kita laksanakan. Selain itu, pastikan makanan harian kita adalah daripada sumber yang halal dan baik. Dalam masa yang sama, teruskanlah kita menghormati dan mentaati pemimpin yang beriman. Nilai perpaduan ummah terus disirami dan

diperkukuhkan demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintah oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keselesaan dan kemenangan dalam

menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.